

BAB KELIMA

ANALISA OPERASI ATAU SERANGAN BERANI MATI MENURUT SIASAH SYAR'IYYAH

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan ruang analisa yang amat penting sekali untuk diperjelaskan iaitu hasil kesinambungan dari bab ketiga dan keempat yang lalu. Analisa yang dilakukan ini, adalah bertujuan memperkuatkan lagi kajian terhadap pelaksanaan OBM berdasarkan pendekatan siasah syar'iyyah menerusi sistem metodologi hukum atau proses ijтиhad pemerintah.

Ditegaskan bahawa hasil penelitian yang terperinci dan mendalam terhadap kajian ilimiah ini, bersandarkan kepada hujah-hujah dan dalil-dalil serta perbahasan panjang lebar di kalangan sarjana dalam dan luar negara di dalam bab ketiga dan keempat lalu, maka ditarjihkan bahawa serangan atau OBM adalah harus. Ia merupakan ijтиhad para sarjana Islam dalam abad 21 hasil kesinambungan pandangan sarjana Islam silam. Ia adalah selaras dengan dinamisme siasah syar'iyyah sebagai penjana keunggulan dan keutuhan ummah sebagai pemangkin jihad dalam Islam.

Pentarjihan ini dibuat berdasarkan kepada kredibiliti dan abiliti kekuatan hujah dan dalil yang kuat serta kukuh seperti aspek niat, konsep *al-tatarrus* (perisai manusia) dan kisah peperangan sahabat di samping beberapa pendapat para sarjana yang berwibawa dan fatwa berautoriti serta menepati kesemasaan

dalam hubungannya dengan jihad. Justeru itu, pentarjihan yang dibuat adalah tepat pada masa dan waktunya bagi mengelakkan segala kekeliruan dan keceluaran pendapat dan pandangan berhubung dengan pelaksanaannya mutakhir ini.

Sekalipun perbahasan dalam bab keempat terdapat pro dan kontra, namun pemasalahannya dapat dirungkaikan dan difahami serta dapat dijelaskan kedudukannya oleh majoriti sarjana Islam silam dan masa kini bahawa pelaksanaan OBM adalah diharuskan dan dikategori sebagai mati syahid. Bahkan golongan yang pro kepada OBM lebih peka terhadap tuntutan jihad menerusi OBM menurut siasah syar'iyyah berbanding golongan kontra lebih menfokuskan kesan atau implikasi daripada hasil pelaksanaannya. Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara dari hasil perbincangan yang lepas:

1. Ketidakjelasan dalam mengintepretasi tuntutan siasah syar'iyyah menerusi serangan atau OBM bersandar hujah-hujah yang berkaitan dan kuat adalah punca kepada penolakan oleh segelintir sarjana Islam terhadap keharusan pelaksanaannya terutamanya bab niat. Bahkan perspektif siasah syar'iyyah dan Usul Fiqh dalam menilai tuntutan terhadap sesuatu perkara tertentu yang melibatkan kemaslahatan umat dan negara ada perbezaannya dari sudut hukum. Contohnya hukum potong tangan bagi orang yang mencuri jika sabit kesalahan adalah wajib dipotong tangannya. Namun begitu, hukum akan bertukar sementara waktu sekiranya situasi ketika itu adalah kemarau dan seumpamanya (berJaku di zaman pemerintahan Khalifah 'Umar r.'anhу), yang menuntut kebijaksanaan pemerintah hasil ijтиhad mereka menghentikan sementara hukuman dan bukan

menafikan hukuman tersebut. Ini dinamakan siasah syar'iyyah dan beramal dengannya adalah bertujuan untuk kebaikan serta niat yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Hukum tetap hukum tetapi bagaimana ia dilaksanakan harus menggunakan pendekatan berbeza dan bijaksana agar tidak disalahertikan hukuman tersebut. Manakala hak Allah adalah luas (sekalipun hukum tertangguh) tetapi hak manusia adalah sempit dan perlu kepada pertimbangan.

2. Konsep *al-tatarrus* (perisai manusia) telah diterima pakai dalam sejarah jihad *fī sabillillāh* dan peperangan dalam Islam sejak berabad-abad lagi oleh para sarjana Islam. Justeru itu, sekiranya konsep ini telah diterima hukumnya harus, maka diqiaskan pemakaian konsep yang sama dan diterjemahkan dalam bentuk serangan OBM juga adalah harus dan tidak dipertikaikan lagi kaitannya yang menjadi salah satu cara berjihad masa kini.

3. Sejarah para sahabat¹ dalam jihad *fī sabillillāh* merupakan antara sumber hukum selain al-Quran dan al-Hadith selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum syarak secara *qat'ī*, bahkan mereka merupakan generasi yang hidup dan hampir dengan zaman rasulullah. Justeru itu, mereka lebih faham dan mengerti kehendak syarak kerana Islam membangun dengan kebangkitan mereka menyebarkan Islam. Oleh sebab itu, timbulnya dalam mazhab Maliki amalan golongan ahli Madinah sebagai sumber hukum atau dalil dalam mazhabnya sahaja. Seharusnya persamaan maksud pelaksanaan OBM oleh para sahabat diambil sebagai contoh harusnya serangan para pejuang OBM masa kini.

¹ Dalam perbahasan *'Ulūm al-Hadīth* sejarah yang dikaitkan dengan tarikh kehidupan atau kematian seseorang sahabat adalah penting dalam menentukan kebenaran dan kesahihan hadith yang diriwayatkan untuk diterima pakai atau ditolak sekiranya ada keraguan.

4. Pandangan dan pendapat golongan yang menyokong serangan OBM, jelas menunjukkan mereka berautoriti tinggi dalam bidang masing-masing terutamanya melibatkan bidang pengajian Islam termasuk dua orang Orientalis Barat bersetuju dengan pelaksanaan OBM di kalangan tentera, bahawa ia adalah harus dalam Islam. Pandangan ini, pada dasarnya juga telah menggabungkan pendapat golongan sarjana Islam silam dan juga sarjana Islam masa kini dalam usaha menyakinkan masyarakat Islam seluruhnya bahawa serangan OBM mahupun OSPBM adalah serpihan jihad *fī sabīlillāh*.

5. Kesamaran dalam memahami ruh nas-nas al-Quran dan al-Hadith sebagaimana dibangkitkan oleh golongan yang menolak pelaksanaan OBM dengan mengklasifikasikannya sebagai bunuh diri adalah suatu tidak berasas sekali. Malah sesuatu dalil atau ayat al-Quran atau al-Hadith perlu dirujuk sepenuhnya (ruh *al-Fiqh al-Naṣ* keduanya) tanpa meninggalkan sebahagian yang lain bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan kesilapan berlaku yang boleh menjelaskan hukum tertentu. Ini jelas apabila Sheikh Darwish dan beberapa sarjana Islam yang lain hanya berhujah dengan dalil al-Quran tetapi tidak mendatang ayatnya yang sempurna dan tidak meneliti hikmah larangan oleh Sayyidina Abu Bakr adalah bersifat sementara. Akhirnya, hujah atau dalil tersebut tersasar dari makna dan pengertian asalnya. Kaedah pendalilan seumpama ini, tidak menepati cara berhujah dan tidak ilmiah. Bahkan boleh mengelirukan umat Islam keseluruhannya.

6. Di samping itu, tokoh agama Islam berketurunan Arab di Israel yang bernama Sheikh Darwish ini, tidak asing lagi di kalangan sarjana Islam di

Timur Tengah yang sering mempunyai pandangan berbeza dan mendapat pengiktirafan Kerajaan Israel berhubung dengan OBM, bahawa ia adalah pelaksanaan bunuh diri dan disiarkan melalui telivisyen negara Jordan.²

7. Pendekatan dan pengamatan oleh golongan sarjana Islam silam seperti Imām al-Nawawī, Ibn Taymiyyah, Al-Ghazālī, al-Qurtubī, al-Jaṣṣāṣ, al-Rāzī, al-Šan‘ānī dalam perbincangan lalu dengan sandaran hujah bahawa seseorang yang menyerang secara sendirian dalam kumpulan musuh dan yakin dapat memporak-peranda serta melemahkan musuh sekalipun berhadapan dengan kematian adalah harus tidak dipertikaikan lagi kesyahidananya.

8. Seterusnya amalan OBM merupakan suatu tindakan mulia yang berkedudukan tinggi dalam jihad *fī sabillillāh*. Jika diteliti secara analisis, didapati bahawa ia telah ditegaskan oleh kebanyakan fuqaha di kalangan empat mazhab muktabar dalam perbahasan dan perbincangan dalam bab ketiga dan bab keempat yang lalu. Lantaran itu, tidak hairan sekiranya kita melihat tokoh-tokoh sarjana Islam silam seperti al-Jaṣṣāṣ dari mazhab Ḥanafi,³ Imām al-Qurtubī dari mazhab Mālikī,⁴ Imām al-Rāzī dari mazhab Syāfi‘⁵ dan Ibn Taymiyyah dari mazhab Ḥambali⁶ yang muktabar menegaskan secara ijma’nya (*physical consensus*) bahawa pelaksanaan OBM merupakan syahid yang tertinggi sekali dalam Islam.

² Pengalaman Penulis semasa mengikuti siaran telivisyen tersebut semasa belajar di Universiti of Jordan dari tahun 1992 sehingga 1997.

³ Legalitas Hukum Syari‘at atas Operasi Syahadah di Bumi Palestina, dlm <http://www.palestina-info-melayu.net/hukum%20islam/bom%20syahadah.htm>.

⁴ Ibid., <http://www.palestina-info-melayu.net/hukum%20islam/bom%20syahadah.htm>.

⁵ Ibid., <http://www.palestina-info-melayu.net/hukum%20islam/bom%20syahadah.htm>.

⁶ Ibid., <http://www.palestina-info-melayu.net/hukum%20islam/bom%20syahadah.htm>.

9. Instrumen-instrumen fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sesebuah negara dan ulama terkemuka Islam antara tahun 1968 hingga 2001 bahkan pada tahun sembilan puluhan adalah lebih ketara berhubung dengan serangan berani mati dan dianggap sebagai mati syahid yang paling tinggi dalam jihad, memperkuatkan lagi keharusan pelaksanaannya. Pengiktirafan fatwa ini adalah lahir dari jalinan kesatuan akal dan wahyu dalam menyelesaikan segala pemasalahan yang melingkungi kehidupan umat Islam pada masa kini. Bahkan fatwa ulama terkemuka oleh Sheikh al-Tantawi telah menegaskan bahawa pelaksanaannya adalah syahid, malah fatwa beliau sebelum ini adalah bunuh diri. Ini bermakna apabila sesuatu fatwa digazet atau diwartakan dalam sesebuah negara Islam, maka keharusan pelaksanaan OBM mahupun OSPBM dalam jihad *fī sabillillāh* adalah sah dan dihormati serta tidak berhak dicabar lagi.

Seterusnya, pendekatan siasah syariyyah terhadap keharusan serangan berani mati dan dianggap sebagai mati syahid adalah seperti berikut:

5.2 Wibawa Siasah Syar'iyyah Terhadap Pelaksanaan OBM Merupakan Sebahagian Daripada Serpihan Jihad *Fī Sabillillāh* Berdasarkan Kaedah “Pengambilkiraan Lafaz Yang Umum Dan Bukan Kerana Sesuatu Sebab Yang Khusus”⁷

Penulis menegaskan bahawa OBM merupakan sebahagian daripada serpihan jihad *fī sabillillāh* iaitu dalam kategori jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* tanpa syak lagi. Ini jelas

merupakan antara matlamat OBM dilakukan adalah demi mempertahanan dan memartabatkan kehidupan atau (*survival*) umat Islam. Sekaligus agama Islam itu sendiri yang terus menerus dimomok dan diperkotak-katikkan serta dicabuli hak mereka oleh golongan musuh terhadap kedaulatan agama, bangsa dan tanahair serta harta benda dapat dipertahankan.

Kenyataan ini, amat bertepatan dengan semangat jihad *fi sabillillāh* dan matlamatnya. Berdasarkan matlamat yang sama dan semangat yang jelas menunjukkan kepada kita bahawa OBM sememangnya sebahagian daripada jihad *fi sabillillāh*. Ini secara langsung mengingatkan kepada minda kita, di mana majoriti ayat yang memperkatakan tentang jihad adalah merupakan rentetan dari kesepaduan matlamat dan semangat syahid di jalan Allah. Penulis juga menegaskan bahawa sekalipun ayat-ayat tersebut diturunkan secara khusus dan sebab-sebab tertentu, namun dari segi amalan dan pengiktibarannya adalah menyeluruh terhadap kehidupan umat Islam. Justeru itu, kaedah *fīqhīyyah* menjelaskan bahawa “*pengambilkiraan lafaz yang umum dan bukananya berdasarkan sesuatu sebab yang khusus*”.

Shaukāni mengulas pengertian ini, berkata:

“Yang benar dalam masalah ini adalah dengan memegang keumuman lafadz, bukan sebaliknya memegang teguh pada kasuistik (sebab khusus turun ayat)”.⁷

Tidak hairanlah jika OBM dilaksanakan atas dasar mempertahankan perkara-perkara yang disebut sebentar tadi adalah sesuatu yang mendapat ganjaran

المرأة بعموم النظر وليس بمخصوص السب

⁸ Legalitas Hukum Syari'at atas Operasi Syahadah di Bumi Palestina, dim <http://www.palestina-infomelayu.net/hukum%20islam/bom%20syahadah.htm>.

di sisi Allah. Pendekatan sumber-sumber muktabar seperti ayat-ayat al-Quran, banyak memperkatakan jihad. Bahkan istilah yang sering berseiringan dinyatakan secara bersama dengan istilah jihad iaitu (فِي سَبِيلِ اللَّهِ) dan (الْقَتْلُ). Merujuk kepada ayat-ayat al-Quran itu juga, terdapat unsur kemuliaan jihad peperangan di mana Allah Ta'ala turut menggabungkan namaNya yang Maha Agung lagi Maha Tinggi dengan perkataan (فِي سَبِيلِ اللَّهِ) yang bermaksud berjuang di jalan Allah. Justeru, apabila OBM merupakan sebahagian daripada serpihan jihad *fī sabīlillāh*, maka ia juga mempunyai kedudukan dan kemuliannya yang tersendiri di sisi Allah.

Sehubungan dengan penjelasan di atas, Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān menegaskan bahawa kesinambungan istilah dan maksud seperti (الجهاد), (فِي سَبِيلِ) dan (الله) memberi pengertian yang sama dan tinggi darjah kemuliaannya di sisi Allah, bahkan sewajarnya hubungan jihad dan OBM juga seiring sejalan dan seja sekata dari segi keharusan pelaksanaan yang membawa kepada pengertian mati syahid. Ini bermakna OBM merangkumi pengertian ketiga-tiga aspek makna yang tersurat dan tersirat. Bahkan perkataan (الجهاد) di dalam ayat al-Madaniah terdapat sebanyak 26 kali mengikut stastistik oleh Muhammad Fāris di dalam bukunya *al-Mursyid ilā Ayāti al-Qur'ān al-Karīm wa Kalimātih*.⁹

Di samping itu, kita melihat di dalam surah-surah tertentu yang

⁹ Dr. Muḥammad Khir Haikāl (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-siasah al-Syar'iyyah*, Beyrūt: Dār al-Bayāriq, c 2. 1996, j 2, h. 41.

mensyariatkan jihad sebagaimana dalam bab tiga yang lalu telah dibincangkan seperti al-Nisa, al-Baqarah, al-Maidah, al-Taubah, al-Anfāl dan Muhammmad memperkatakan aspek jihad dan kelangsungan mengapa OBM dilancarkan. Di antara intisari kandungan pengertiannya adalah seperti berikut:

- i. Maksud ayat al-Quran: "Sesiapa berperang di jalan Allah lalu gugur, maka dia mendapat ganjaran yang besar dari Allah Ta'ala".¹⁰ Ditegaskan bahawa mereka yang melaksanakan OBM sudah tentu mempunyai niat yang baik hasil penelitian dan kefahaman terhadap tuntutan jihad *fi sabillāh* untuk mempertahankan agama, jiwa (keturunan), tanahair dan harta benda sekalipun mengetahui bahawa dia akan gugur. Keyakinan yang tinggi demi untuk pengorbanan yang tinggi sudah pasti akan menjanjikan ganjaran mega di sisi Allah Ta'ala.
- ii. Maksud ayat al-Quran: "Perangilah mereka yang memerangi kamu tetapi janganlah melampaui batas".¹¹ Mengulas pengertian di atas, ditekankan bahawa hak melaksanakan OBM adalah suatu perkara yang tidak melampaui batasan agama dan akal fikiran yang rasional. Ini disebabkan pelaksanaan OBM itu sendiri adalah pilihan terakhir menggadaikan nyawa demi agama. Ini jelas, apabila jumhur menekankan bahawa mempertahankan agama adalah lebih penting dan wajar dari menjaga nyawa. Bahkan ia adalah kemuncak pengorbanan jiwa dalam sejarah jihad *fi sabillāh* dalam Islam.

¹⁰ Al-Quran *Al-Nisā'* (74) : 5.

Bahkan jihad *fī sabillillāh* itu sendiri, mempunyai beberapa hukum dari sudut pelaksanaannya. Dalam hal ini, Dr. Muḥammad Khir Haikāl menekankan di dalam bukunya *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siasah al-Syar‘iyyah* bahawa hukum jihad *fī sabillillāh* boleh menjadi fardu kifayah,¹² fardu ain,¹³ sunat,¹⁴ harus,¹⁵ makruh¹⁶ dan haram¹⁷. Ini bermakna OBM dan OSPBM merupakan suatu amalan yang dinamik dan tidak bersifat rigid. Justeru itu, ia menjelaskan kepada kita bahawa kedua-kedua operasi ini akan turut mengalami beberapa perubahan yang perlu mengikut keadaan semasa dan perubahan setempat. Dalam kontek ini, ia dilihat sebagai bertepatan dengan dinamisme siasah syar‘iyyah sebagai suatu metod hukum yang anjal berdasarkan siasah *aulawiyyāt ‘askariyyah* (strategi siasah keutamaan ketenteraan dalam pelan sesuatu tindakan atau misi perjuangan).

iii. Maksud ayat al-Quran: "Mereka yang berjihad mengharapkan rahmat

11 Al-Quran, *al-Baqarah* (190) : 2.

12 Apabila segelintir di kalangan umat Islam berjihad menentang musuh maka terangkat dosa segelintir yang lain. Maka jihad ketika itu adalah *fardu kifayah*.

13 Apabila musuh mara menyerang kediaman atau tanahair atau berdepan dengan musuh maka wajib dipertahankan diri sebaiknya. Maka jihad ketika itu adalah *fardu ain*.

14 Apabila jihad pada asalnya *fardu kifayah* dilancarkan, maka terdapat segelintir yang lain di kalangan umat Islam ingin turut serta untuk menambahkan kekuatan dan sokongan. Ini adalah dalam situasi khas. Maka jihad ketika itu adalah *mustahab*.

15 Apabila jihad pada asalnya *fardu kifayah* dilancarkan, maka melancarkan serangan terhadap golongan perempuan, orang tua dan kanak-kanak atas sebab tertentu. Maka jihad itu *harus*.

16 Apabila jihad pada asalnya *fardu kifayah* dilancarkan, lalu terdapat di kalangan mereka yang tidak mendapat keizinan pemerintah tetapi tetap ingin berjihad. Namun status jihadnya tidaklah mencapai tahap haram bahkan ia adalah *makruh*.

17 Apabila kedua ibubapa melarang anak tanggungannya dari menyertai jihad *fardu kifayah*, maka sekiranya tidak dipatuhi maka jihad ketika itu boleh menjadi *haram* baginya.

Allah Ta'ala".¹⁸ Justeru itu, OBM dilaksanakan adalah berdasarkan mencari keredaan¹⁹ dan rahmat Allah Ta'ala adalah sesuatu yang sememangnya dijangkakan. Ini bermakna dengan mempertahankan agama, jiwa dan keturunan, tanah air dan harta benda sudah tentu di sebaliknya mendapat rahmat untuk kebangkitan ummah.

iv. Maksud ayat al-Quran: "Mereka yang Islam berjihad di jalan Allah, tetapi mereka yang kafir berperang di jalan kesesatan (*toghūt*)".²⁰ Di sini, ditegaskan bahawa penggunaan istilah jihad dan *fī sabīlillāh* adalah sesuatu yang istimewa dalam apa jua tesaurus kosa kata di atas muka bumi ini. Istilah jihad *fī sabīlillāh* itu sendiri mempunyai kekuatan dan ruh yang cukup untuk membangkit keimanan dan ketaqwaan di pihak Islam, sebaliknya menimbulkan kemuncak kegeruan di sanubari pihak lawan. Justeru itu, penggunaan istilah jihad *fī sabīlillāh* oleh Allah yang dirakamkan di dalam al-Quran adalah amat berbeza dibandingkan dengan penggunaan istilah yang lain sekalipun ia ada persamaan dari sudut pahala bacaan pada setiap huruf.

Maka wajarlah teori kontradiksi yang diperkatakan oleh al-Tūfī mengenai perbahasan kontroversi antara maslahah dan nas bahawa setiap ayat al-Quran itu mempunyai maslahah yang tersendiri. Bahkan penulis berkeyakinan setiap pemilihan kosa kata dalam peradaban bahasa Arab yang dirakamkan di dalam al-Quran bukan sekadar pada ayat malah setiap kosa kata dan huruf itu sendiri

¹⁸ Al-Quran, *al-Baqarah* (218) : 2.

¹⁹ Al-Quran, *al-Baqarah* (207) : 2.

²⁰ Al-Quran, *al-Nisā'* (76) : 5.

berdirinya maslahah. Manakala bagi musuh Allah dan di kalangan non muslim, hanyalah istilah perang di jalan kesesatan iaitu *toghūt*.

v. Maksud ayat al-Quran: "Mereka yang berjihad tidak takut akan celaan orang yang mencela"²¹ termasuk dilabelkan sebagai pengganas, ekstremis, teroris dan sebagainya. Penulis ingin menekankan di sini bahawa ini semua sudah menjadi ketentuan Allah (*vibration of God*) dan asam garam kehidupan bahawa setiap kebaikan yang dilakukan apatah lagi yang melibatkan hal ehwal keagamaan akan mendapat publisiti yang negatif. Bahkan Rasulullah s.a.w sendiri pernah dianggap gila oleh kaumnya kerana menyeru agama Islam kepada mereka. Namun begitu, dakwahnya terus berkembang luas dan akhirnya berjaya.

Maka kewajarannya, kebaikan itu adalah ukuran yang Maha Berkusa, manakala celaan itu adalah cabaran dan dugaan semata. Rasionalnya juga adalah merujuk kepada pengertian makna hadith Rasulullah s.a.w bahawa Islam itu datang berdagang pada permulaannya dan akhirnya juga, ia akan datang berdagang lagi. Ini bermakna Islam itu menjadi suatu perkara pelik dan dianggap baru oleh masyarakat Islam sendiri.

vi. Maksud ayat al-Quran: "Mereka berjihad dengan harta dan jiwa"²² sehingga mengorbankan nyawa. Sekalipun disebutkan harta terlebih dahulu ia lebih menjuruskan peringkat umumnya sesuatu pengorbanan dan ia juga

21 Al-Quran, *al-Mā'idah* (54) : 6.

22 Al-Quran, *al-Anfāl* (72) : 10.

berunsurkan pilihan bagi mereka yang melaksanakan jihad *fi sabillah*. Ia juga bukan sampai kepada tahap wajib atau fardu mengikut tertib. Namun begitu suatu proses terakhir jihad *fi sabillah* akan menuntut pengorbanan jiwa dan OBM adalah suatu wadah yang cukup tinggi pengorbanannya. Penulis menegaskan kategori syahid bagi pelaksana OBM atau OSPBM adalah syahid Dunia dan Akhirat iaitu orang yang berperang (Islam) untuk menjadikan kalimah Allah sebagai kalimah yang tertinggi, ikhlas kepada Allah dalam perjuangan, sentiasa mara tidak mundur dalam menghadapi musuh. Kategori syahid ini juga tidak dimandi dan dikapan serta dikebumikan dengan baju dan darahnya.

Dia memperolehi pahala yang besar di sisi Allah di akhirat kelak. Inilah syahid yang paling tinggi nilainya di sisi Allah dan syahid inilah yang berlaku di Palestin.²³ Merujuk kepada kategori ini, ia menjelaskan dengan cukup tertib dan tersusun proses dan peringkat martabat syahid sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab yang lalu. Ini secara langsung dikuatkan lagi dengan beberapa ayat al-Quran yang menyokong bahawa pengorbanan jiwa dan raga jihad *fi sabillah* adalah kemuncak syahid dunia dan akhirat.

Justeru itu, penulis menekankan bahawa martabat syahid yang dilaksanakan menerusi OBM dan juga OSPBM adalah terkandung di dalam kategori yang ketiga iaitu syahid di dunia dan di akhirat. Secara rasional dan wahyuNya, menunjukkan pelaksanaan tersebut adalah sah dari sudut siasah syar'iyyah yang bertemakan jihad *fi sabillah*.

²³ Lihat Majalah *Massa* bertarikh 13-19 April 2002, h. 55.

vii. Maksud al-Quran: "Mukmin yang duduk tidak berjihad di jalan Allah jika dibandingkan dengan mereka yang berjihad di jalan Allah"²⁴ sangatlah berbeza. Perbezaan ini adalah suatu perbandingan sebagai pembakar semangat ke arah misi pelaksanaan jihad *fī sabillāh*. Malah status jihad di antara mengorbankan harta benda dan jihad jiwa sudah terbukti status ketinggian ganjarannya. Apatah lagi jihad *khuṣūṣ lī al-khuṣūṣ* adalah satu daripadanya.

viii. Maksud al-Quran: "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalanNya dalam barisan yang *teratur* seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh".²⁵ Penulis ingin menjelaskan bahawa "teratur" dalam barisan juga boleh diterjemahkan dalam bentuk peringkat-peringkat pengorbanan atau tahap-tahap sesuatu jentera pertahanan dilaksanakan. Pengertian maksud ayat adalah seperti di bawah iaitu;

ix. Maksud al-Quran: "Hai orang-orang yang beriman, suakah kamu, Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan *harta* dan *jiwamu*. Itulah yang sebaik bagi kamu jika kamu mengetahuinya".²⁶ Di mana Allah menyebut harta terlebih dahulu kemudiannya barulah jiwa. Ini menjelaskan OBM adalah tahap terakhir sekiranya keadaan amat memerlukan.

²⁴ Al-Quran, *al-Nisā'* (95) : 5.

²⁵ Al-Quran, *al-Saff* (4) : 28.

²⁶ Al-Quran, *al-Saff* (11) : 28.

x. Maksud ayat al-Quran: "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya".²⁷

Prof. 'Abd Ḥāfiẓ 'Abd Rabbih mengulas pengertian ayat dia atas dengan menyatakan persiapkanlah diri dengan segala kekuatan yang ada berdasarkan realiti semasa.²⁸ Ini bermakna segala kekuatan teknologi persenjataan terkini dan tercanggih perlu disediakan bagi menghadapi musuh yang canggih di abad millenium ini.

Persenjataan yang serba canggih di pihak musuh seperti penggunaan senjata *biocybernetic* (sasaran ditujukan mengikut daya imaginasi dan arahan pemikiran), *e-bom electromagnetic* (sistem bom melalui rangkaian gelombang), *electronic war* (peperangan elektronik) dan seumpamanya. Ini juga bermakna pelaksanaan OBM dan OSPBM adalah antara jutaan kekuatan yang boleh diadaptasi dan direalisasikan. Bahkan ia adalah kemuncak pengorbanan jiwa yang dapat menggentarkan musuh pada masa kini sekalipun di sana kedapatan senjata nuklear namun penggunaannya masih terlarang oleh PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) melalui deklarasi perjanjian peperangan konvensional.

Sehubungan dengan penjelasan di atas, ia merupakan kelangsungan

²⁷ Al-Quran, *al-Anfāl* (60) : 10.

²⁸ Prof. 'Abd Ḥāfiẓ 'Abd Rabbih (1982), *I'alsafah fī al-Lihāj fī al-Islām*, Beyrūt: Dār al-Kitāb, 34.

maksud dari firman Allah dari surah-surah yang diperkatakan berhubung dengan kemuliaan dan kedudukan jihad *fi sabillillāh*. Ini juga bermakna jihad *fi sabillillāh* yang didefinisikan dari segi syarak iaitu mempertahankan diri dan menentang musuh yang memerangi umat Islam serta meninggikan agama Allah juga terdapat dalam pengertian mengapa pelaksanaan OBM dilancarkan.

Justeru itu, kita mendapati lebih setengah ayat al-Quran *al-Madani*²⁹ (ayat yang diturunkan di kota Madinah) memperkatakan tentang jihad dan peperangan. Ini menunjukkan betapa pentingnya jihad dalam erti kata yang sebenarnya mengikut pengertian dari segi bahasa dan istilah syarak terhadap golongan umat Islam. Rasulullah s.a.w sendiri telah menyertai jihad peperangan sebanyak dua puluh tujuh kali,³⁰ manakala baginda mengutus para sahabatNya ke medan jihad peperangan sebanyak empat puluh tujuh kali.³⁰

Penulis ingin menegaskan, sekali pun al-Quran tidak memperjelaskan secara terperinci berhubung pengertian dan maksud OBM, namun dari segi maksud yang tersirat, ia merupakan suatu yang sah menurut siasah syar'iyyah dan praktikalitinya selaras dengan tuntutan pengertian jihad *fi sabillillāh*.

Sebagaimana siasah syar'iyyah juga, tidak disebut secara jelas dan ditil, namun perlakuan Rasulullah s.a.w dan para sahabat menjelaskan di sana terdapat kesan pelaksanaannya. Justeru itu, proses ijtihad berdasarkan qias terhadap

²⁹ Dr. 'Ārif Abū 'Eid (1990), *al-'Alqah al-Khārijiyah fi Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām, c 2, h. 124.

³⁰ *Ibid.*, h. 124.

maksud dan pengertian ayat-ayat jihad *fi sabillah* telah mercialisasikan OBM suatu yang disanjung dan dihormati kredibiliti dan efisiensinya menurut siasah syar'iyyah.

Manakala hadith-hadith pula banyak memperkatakan tentang ganjaran dan kemuliaan serta menyentuh kedudukan mereka yang menyertai jihad *fi sabillah* sebagaimana yang dibahaskan di dalam bab ketiga yang lalu. Lebih-lebih lagi OBM merupakan serangan yang paling agung dan tiada bandingan seumpamanya itu di kalangan umat manusia lainnya. Malah ia bukan sekadar mendapat ganjaran dan kemuliaan di akhirat bahkan juga dapat memartabatkan lagi wibawa generasi umat Islam seterusnya.

Sehingga apa yang berlaku di bumi Palestin adalah suatu yang tepat dan wajar pelaksanaan tersebut berlaku kerana itulah satu satunya cara mempertahankan agama, bangsa dan maruah serta tanahair dari dicabuli dan dinodai tanpa batasan. Meskipun kekuatan persenjataan lahiriah yang serba canggih dan teknologi maklumat yang tinggi tidak mampu dimiliki, namun kekuatan jihad itu, adalah kekuatan spiritual rakyat Islam Palestin sendiri dalam menempuh halangan dan cabaran serta pertembungan dengan musuh Yahudi di tanahair mereka. Justeru itu, atas sebab tiada negara Islam yang sanggup untuk turut serta berjuang, maka tidak timbul masalah menunggu kekuatan yang maksima. Mereka mungkin rugi di dunia dan dilabelkan pengganas pada tanggapan segelintir manusia tetapi sebenarnya mereka memperolehi kejayaan di akhirat kerana janji Allah adalah hak.

Sehubungan dengan itu, OBM yang dilakukan oleh mereka yang sanggup mengorbankan jiwa adalah merangkumi makna dan matlamat jihad *fi sabillāh* dan diharuskan oleh legaliti siasah syar'iyyah sekalipun terpaksa bersendirian dalam hal ini. Kita juga melihat dengan jelas bahawa OBM dilakukan dengan mensasar sasaran musuh Islam dan menepati misi serta visi jihad yang lain dalam lipatan sejarah perundangan klasikal jihad *fi sabillāh*. Baginda Rasulullah s.a.w dan para sahabat berjihad menentang golongan musuh yang terang-terang menentang Islam. OBM bukan dilakukan untuk tujuan main-main atau kecewa dengan cabaran kehidupan tetapi ia lahir dari keimanan yang cukup yakin dan kental terhadap kekuasaan dan pertolongan Allah sebagaimana yang penulis katakan bahawa faktor aqidah merupakan asas terpenting terhadap pembentukan peribadi OBM.

OBM adalah sebahagian daripada serpihan jihad *fi sabillāh* berdasar autoriti syarak sehingga dalam catatan sejarah telah dikesan beberapa pelaksanaan oleh para sahabat yang jelas menjurus kepada makna dan pengertian jihad *fi sabillāh*. Ini jelas mempertahankan kredibiliti dan abiliti OBM, sekaligus menyanggah bahawa ia adalah stereotaip kepada pelaksanaan *kamikaze* di kalangan perajurit atau juruterbang udara tentera Jepun yang sanggup mati dengan menjunamkan pesawat pada sasaran kapal-kapal laut musuh semasa perperangan dunia ke II. Sebagaimana mereka turut mengebom pasaran dan infrastruktur kekuatan pensenjataan Amerika Syarikat dan pelabuhan Pearl Harbour pada suatu ketika dahulu.

Berbeza dengan pengamalan OBM terutama dari segi prinsip, semangat

dan matlamatnya. Mereka yang melakukan *kamikaze* adalah berdasarkan semangat nasionalisme dan patriotik yang jelas berbeza dan bertentangan dengan matlamat jihad *fī sabillāh* pada kacamata siasah syar'iyyah.

Lebih-lebih lagi pelaksanaan OBM, di mana tentera udara Jepun bukanlah ahli ibadah (maksud syarak) sebagaimana mereka yang beragama Islam. Ini disebabkan peranan faktor keyakinan terhadap agama juga adalah syarat pelaksanaan jihad *fī sabillāh*. Sebagaimana yang ditekankan oleh Dr Na'im Yāsīn di dalam bab ketiga di mana dia menegaskan bagaimana kesan aqidah terhadap pembentukan personaliti ke arah pelaksanaan jihad *fī sabillāh* tidak dipertikaikan lagi.

Sekiranya mereka yang melakukan itu bukan beragama Islam, sekalipun yang berlaku di kalangan rakyat Palestin maka ia tidak diklasifikasikan sebagai OBM atau (*istisyhādiyyah*) tetapi itu adalah perbuatan (*intihāriyyah*) atau bunuh diri.

Seorang tokoh teori klasik dalam bidang *Antropologi* dan *Sosiologi* iaitu Emile Durkheim (1858-1917)³¹ telah menyatakan di dalam nota kuliahnya(Fakulti Sastera, Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya) yang bertajuk (*Suicide*) telah membahagikan kepada empat jenis bunuh diri..

- i. Egoistik (*egoistic*) iaitu membunuh diri kerana kepentingan tidak tercapai dan rasa putus asa.

³¹ Seorang yang berbangsa Yahudi berasal dari Perancis.

- ii. Altruistik (*altruistic*) iaitu membunuh diri kerana untuk menolong orang atau dipengaruhi orang lain seperti orang tua membunuh diri supaya tidak membebankan orang lain.
- iii. Anomik (*anomic*) iaitu membunuh diri kerana tiada keyakinan terhadap masyarakat lagi.
- iv. Fatalistik (*fatalistic*) iaitu membunuh diri kerana disiplin atau hukuman yang kuat dalam masyarakat; atau menghadapi tekanan yang kuat dari masyarakat seterusnya hilang harapan terhadap masyarakat.

Beginu juga, sekiranya perbuatan OBM dilaksanakan atas semangat balas dendam dan kecewa atau sebagaimana yang diperkatakan oleh Emile Durkheim maka ia adalah terkeluar dari lunas-lunas peradaban perundangan siasah syar'iyyah dan dklasifikasikan sebagai bunuh diri. Justeru, apa yang telah berlaku di kalangan tentera Jepun dalam operasi *kamikaze* dan Pemisah Harimau Tamil Ealam ternyata tersasar dari pengertian OBM atau OSPBM. Ini bermakna kedudukan OBM sebagai penjana kepada wibawa dan dinamisme jihad *fi sabillah* amat jauh berbeza dengan pengertian Emile Durkheim. Ini juga sudah tentu menempelak penyamaan pendapat oleh Sheikh Darwish terhadap serangan tersebut sebagai membunuh diri adalah tidak berassa sekali.

Pergerakan kumpulan Pemisah Harimau Tamil Ealam di Sri Langka yang turut mengadaptasikan pelaksanaan seumpama ini. Ia juga, turut disanggah sekiranya terdapat sebarang usaha untuk menyamatarafkannya dengan pelancaran

OBM di kalangan umat Islam. Malah, inilah yang dikatakan beperang di jalan kesesatan dan bertembung dengan kehendak syarak selain mencetuskan kemurkaan Allah. Justeru itu, OBM adalah dipersetujui secara kolektifnya oleh majoriti sarjana dan intelektual Islam seantero alam fatamorgana ini, bahawa ia adalah jelmaan yang lahir daripada serpihan legaliti jihad *fī sabillāh* tanpa ragu dan syak lagi.

Dakwaan yang mendakwa dan menyamatarafkan pergerakan Pemisah Harimau Tamil Ealam dan sebagainya dengan OBM adalah suatu sangkaan yang jahat dan tidak bertanggungjawab. Ini perlu dijelaskan dengan sebaiknya bahawa ia dilakukan dalam situasi yang sungguh mendesak berdasarkan realiti semasa bagi mengelakkan kecelaruan yang timbul. Bagi menghindarkan kegawatan fikiran (الحرب الفكرية) (نحوث الفكر) dan perang saraf atau perang pisikologi (islamophobia) (salah tanggapan terhadap Islam) di kalangan non muslim.

Maka OBM perlu dikhususkan penjelasannya agar ia difahami sebagaimana jihad *fī sabillāh* diterjemahkan. Majoriti mereka yang melaksanakan OBM adalah remaja belasan tahun yang mana logiknya usia semuda ini adalah masa untuk berseronok dan bebas. Sehingga terdapat golongan pemudi belasan tahun juga turut mengorbankan diri dengan menyertai OBM. Sekiranya bukan kerana pegangan dan keimanan yang jitu dan padu serta kefahaman yang mendalam dalam memahami tuntutan misi dan wawasan jihad *fī sabillāh*, maka tidaklah semudah itu mereka mengorbankan jiwa-jiwa muda dengan menyertai OBM. Ini turut menguatkan lagi bahawa perencanaan OBM

adalah perencanaan jihad yang benar benar terancang.

Majoriti pelaksana OBM adalah golongan yang terpelajar, mengikut laporan statistik yang dibuat oleh TV3 dalam rancangan Jendela Dunia.³² Ini bermakna, mereka faham dan sedar impak pelaksanaan OBM adalah sebagai satu wadah kesinambungan jihad *fi sabillāh*. Sebagaimana statistik para pejuang dan kumpulan yang terlibat di bahagian lampiran nanti.

Tidak ada dalam sejarah jihad dunia terutamanya melibatkan OBM di kalangan pemudi atau wanita sama ada operasi *kamikaze* atau puak Pemisah Harimau Tamil Aelam. Ini sekaligus turut membuktikan keimanan dan kecintaan syahid telah mengjangkaui sempadan kegerunan hati. Sehingga kini empat orang pemudi Islam Palestin belasan tahun telah menyertai OBM dan mati syahid. Sebagaimana lampiran statistik yang disertakan di akhir kajian ini.

Akhirnya, penulis menegaskan sekali lagi bahawa Islam adalah agama yang di asaskan atas dasar perdamaian, kasih sayang, diplomasi dan seumpamanya. Justeru tidak timbul mengatakan Islam mengembangkan pengaruhnya melalui ketajaman mata pedang kerana usaha jihad *fi sabillāh* terhadap mereka yang bukan Islam adalah pilihan terakhir sekiranya mereka menolak dakwah Islam atau menentang Islam secara terangan dan tidak bersetuju berada di bawah pemerintahan Islam.

Kesinambungan terhadap huraian di atas, penulis juga menegaskan

bahawa pelaksanaan OBM dalam pengertian jihad *fī sabillillāh* juga adalah pilihan terakhir setelah mendapat usaha ini dapat menyelamatkan keadaan dan menghindarkan kekalahan di pihak Islam. Ia juga bermakna OBM tidak akan dibenarkan oleh siasah syar'iyyah jika tidak ada sebarang tuntutan maslahah dan darurat.

Ini sekaligus secara kolektif atau ijma'nya,³³ para sarjana dan intelektual Islam bersepakat mengakui bahawa OBM atau OSPBM adalah serpihan dari jihad *fī sabillillāh* dan mengharuskan pelaksanaannya sebagai pilihan terakhir menurut siasah syar'iyyah. Ini dikuatkan lagi oleh fatwa yang dikeluarkan oleh Rābiṭah 'Ulamā' Palestin (Persatuan Ulama Palestin) pada 5 Mei 2001 bersamaan 15 Safar 1422H menyatakan bahawa perbuatan rakyat Palestin mengebom diri sendiri dalam komuniti Israel adalah '*amaliyyah istiyshādiyyah* (operasi mati syahid) dan jihad *fī sabillillāh*.³⁴

5.3 Norma-Norma Kebarusan OBM Yang Dibenarkan Oleh Siasah Syar'iyyah

Perbincangan konsep siasah syar'iyyah telah melahir dua pendekatan yang penting dalam era globalisasi disiplin ilmu sebagai mana perbahasan di dalam bab kedua iaitu norma siasah syar'iyyah sebagai satu kaedah atau sistem pemerintahan dalam sesebuah negara Islam dan keduanya norma estetika siasah syar'iyyah

³³ Lihat Majalah *Massa* bertarikh 13-19 April 2002, h. 55.

³⁴ *Ibid.*, h. 55.

sebagai satu merit atau sistem metodologi hukum melalui proses peringkat ijihad (تَرْجُمَةُ الْإِجْتِهادِ).

Berdasarkan kepada merit dan autoriti siasah syar'iyyah sebagai penjana kepada kelangsungan OBM, maka keharusan yang diberikan dalam erti kata (penglibatan) sewajarnya memerlukan beberapa syarat-syarat yang membenarkan ianya dilaksanakan dalam perencanaan OBM oleh pihak yang terlibat. Syarat-syarat pemakaian siasah syar'iyyah tidak dapat dipertikaikan kredibiliti dan abiliti sebagai satu mekanisme yang mana semangat responsibiliti dapat mengimbangi ketelusan pelaksanaan agar ianya selaras dengan tuntutan syarak. Antara syarat-syarat pelaksanaan OBM adalah seperti berikut:

i. OBM sewajarnya selaras dari sudut pelaksanaannya iaitu berlandaskan usul-usul atau kaedah yang diterima pakai oleh syarak. Ini bermakna setiap pelaksanaan yang tidak memenuhi atau bertembung dengan norma-norma perundangan syarak umpamanya konsep dan nilai *al-istiṣlāḥ*, *al-istiḥsān*, *maqāṣid al-syārī'ah*, *al-'urf al-ṣāliḥ*, *taḥqīq al-manāṭ al-khāṣ* dan *sad al-darā'i* maka ia tidak lagi relevan dan terbatas kerana telah tersasar dari landasan keharusan syarak. Ini juga menjelaskan bahawa pelaksanaan OBM adalah terikat bagi memastikan bahawa pelaksanaannya benar benar mendapat restu dari syarak agar ianya tidak lagi dipertikaikan.

Justeru itu, usul-usul atau kaedah yang mengikat itu tadi, secara langsungnya ia diterima pemakaianya secara khusus dalam perundangan OBM sebagai satu elemen pemungkin kepada sistematika jihad *fī sabillillāh*.

Keterlangsungan pemakaian sistem nilai ini, sekaligus menguatkan status pelaksanaan OBM sebagai mekanisme jihad dalam konteks perundangan siasah syar'iyyah.

Melalui pemakaian kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip asas yang diadaptasi dari kedua sumber iaitu al-Quran dan al-Sunnah terhadap amalan ini, sekaligus menggelincirkan halangan dan rintangan serta keburukan terhadap kemanusiaan yang mungkin berlaku. Bahkan dengan mengadakan pemesyuaratan, memastikan keadilan dan persamaan terhadap kemanusiaan. Maka proses pelaksanaan OBM itu juga dilihat selaras dengan peruntukan pelembagaan sebuah pemerintahan negara Islam yang bersistemkan siasah syar'iyyah.

ii. OBM semestinya tidak bercanggah atau bertembung secara langsung atau tidak langsung dengan nas-nas syarak sama ada al-Quran dan hadith. Pelaksanaan OBM tidak boleh membelakangkan sumber hukum muktabar ini bagi memastikan praktikalitinya itu, mempunyai sandaran yang kuat dan kukuh. Secara langsung OBM dapat diterima pakai sebagai satu wadah dalam perjuangan tahap terakhir dalam menentang usaha golongan musuh yang menentang umat Islam dan sebagainya.

Justeru itu, OBM dapat dibentuk dalam suasana yang direhái oleh Allah dan syariat Islam amnya. Ironinya, OBM hendaklah tidak ke arah penderhakaan atau kemurkaan Allah. Dengan kata lain, OBM bukanlah suatu perbuatan bunuh diri atau (*intihāriyyah*) yang boleh mengheret dan menghumbankannya ke dalam api kemungkaran jahannamNya di akhirat kelak.

iii. Pelaksanaan OBM secara telusnya, tidak bolch sama sekali berlandaskan pemikiran yang bebas dari keterikatan dalil-dalil syarak atau mengikut hawa nafsu atau kepentingan peribadi semata. Ini bererti, pemakaian teori politik Michiavelli iaitu matlamat menghalalkan cara seperti perbahasannya di dalam bab kedua adalah haram dan jelas bertembung dengan kelangsungan pemakaian dalil-dalil syarak dan kaedah fiqh di mana ia menggariskan bahawa matlamat tidak menghalalkan cara dan ia bukanlah suatu proses balas dendam. Ini berdasarkan kaedah fikhiyyah “*Matlamat tidak menghalalkan cara*”³⁵ dan “*Tidak mudarat dan memudarangkan yang lain*”.³⁶

Fenomena ini, sewajarnya diberi penekanan agar setiap pelaksanaan OBM mencapai status yang selaras dengan keanjalan siasah syar'iyyah yang hidup dan *murīnah* dan bukan membunuh diri.

vi. Pelaksanaan OBM juga sewajarnya hendaklah memenuhi kepentingan umum dan rakyat iaitu mendahulukan kepentingan umum berbanding dengan kepentingan peribadi.³⁷

Ini jelas bahawa tindakan OBM adalah tindakan untuk memberikan suntikan kepada kepentingan umum (مصلحة الأغلبية). Penulis tidak melihat pelaksanaan OBM mempunyai motif kepentingan peribadi, lebih-lebih lagi sehingga mengorbankan nyawa golongan muda yang berjuang. Perkara ini perlu

³⁵ الغابة لا تمرر الوسيلة

³⁶ لا ضرار ولا ضرار

³⁷ المصلحة العامة تقدم على المصلحة الخاصة

dijelaskan kerana syarat ini amat penting malah tindak tanduk dan keizinan pemerintah sewajarnya selaras dengan kepentingan dan kebaikan kepada rakyat. Bahkan menolak segala perkara yang mendarangkan keburukan dari menimpa rakyat.

v. Pelaksanaan OBM hendaklah tidak meminggirkan sama sekali hukum-hukum yang menjadi ketentuan syarak. Dengan kata lain, sekalipun ayat-ayat hukum datang dalam pelbagai bentuk dan peringkat serta tidak mungkin dapat menerangkan secara terperinci mengenai ruang lingkup perlakuan OBM, namun senario ini membuka kerangka yang luas bagi proses ijтиhad dapat dilaksanakan. Dalam hal ini, pemerintah perlu peka dengan jentera ulamanya agar pemikiran dan pendekatan terhadap sesuatu perubahan itu, dapat ditangani pemasalahannya dengan baik serta memberi peluang kepada akal yang sihat dan bukan akal yang jumud (*siege mentality*) agar dapat menginterpretasikan isu-isu semasa (*current issues*) yang timbul selaras dengan dasar-dasar syarak.

Dengan kata lain, OBM sewajarnya dihentikan serta-merta sekiranya disana terdapat proses jihad atau mencapai perjanjian diplomasi bagi memastikan jiwa dan nyawa umat Islam terpelihara sebagai memenuhi tuntutan maqasid ruh syarak.

5.4 : Faktor-Faktor Yang Tidak Membenarkan Pelaksanaan OBM Menurut Siasah Syar'iyyah.

Sekalipun pelaksanaan OBM dihujani dengan tanggapan pro dan kontra dalam perbahasan ilmu fiqh. Namun begitu, penjelasan yang lebih menonjol adalah melalui perbahasan dari sudut perundangan siasah syar'iyyah. Sekiranya jihad *fi sabillah* mempunyai faktor-faktornya tersendiri, maka OBM juga turut mempunyai faktor-faktornya tersendiri tetapi ada sedikit kelainan dan penambahan terhadap faktor jihad *fi sabillah* kerana ianya melibatkan pengorbanan nyawa secara langsung dan pasti pada hukum akal.

Sungguhpun siasah syar'iyyah memberi kredit yang luas merujuk praktikaliti semasa dan di atas nama serta semangat kesinambungan daripada serpihan jihad *fi sabillah*, namun masih terdapat beberapa faktor yang tidak membenarkan OBM dilaksanakan. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

- i. OBM hendaklah dihentikan sekiranya tidak mendapat keizinan pemerintah ketua angkatan turus tentera atau wakilnya. Ini adalah faktor penting dalam menilai keperluan strategik dan ketentuan pelaksanaan yang cukup terancang sekali terhadap sasaran musuh hakiki agar tidak tersasar dari matlamat asal OBM.
- ii. OBM hendaklah dihentikan sekiranya status jihad itu adalah jihad umum (bukan jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ*) yang hanya memadai penglibatan minima samada terbunuh atau dibunuh di sesuatu lokasi atau dalam situasi

persekitaran tertentu oleh pihak musuh semasa pertempuran atau mempertahankan diri.

- iii. OBM hendaklah dilaksanakan oleh seseorang yang benar-benar mendapat latihan secukupnya seperti golongan tentera elit atau komando, individu atau kumpulan yang terlatih secara mental dan fizikal serta aqidah iaitu rohani bukan orang biasa bagi mengelakkan sebarang kesilapan dan kelalaian yang sudah tentu memberikan impak yang tidak baik kepada ketumbukan ketenteraan pada masa itu khususnya dan umat Islam amnya. Lebih-lebih lagi dalam usaha mengendalikan peralatan tertentu yang memerlukan kepada kemahiran dan kelayakan (*alert and capable with certain skills*) untuk tujuan yang amat penting dan genting demi kebangkitan dan kemenangan tentera Islam. Dia perlu bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat tersebut seperti pepatah Inggeris ada menyatakan “*Take the bull by the horn*” maksudnya jika menangkap seekor lembu jantan, tangkaplah pada bahagian depan tanduknya iaitu melambangkan kesungguhan dan keberanian berdepan dengan situasi yang getir dan runcing.
- iv. OBM hendaklah dihentikan dalam keadaan aman dan sekiranya terdapat alternatif untuk perdamaian dan diplomasi, maka hendaklah dihentikan serta merta dengan syarat atau perjanjian tertentu. Ini adalah berdasarkan keprihatinan maqasid syarak tidak akan membenarkan mana mana individu Islam atau kumpulan, walaupun sebasar biji sawi pun mengorbankan jiwa mereka tanpa kebenaran hak melainkan sebab darurat seperti yang dibincangkan pada masa lepas. Ini selaras dengan tuntutan ruh syarak iaitu menjaga *dharūriyyat al-khamṣ* iaitu memelihara nyawa.

5.5 Syarat-Syarat Pelaksanaan OBM

Pelaksanaan OBM yang dibenarkan oleh siasah syar'iyyah ialah operasi yang memenuhi syarat-syaratnya yang tidak bercanggah dengan Islam. Syarat-syarat pelaksanaannya, terdapat kepada dua bahagian iaitu:

- a. Syarat kepada para pejuang OBM; dan
- b. Syarat terhadap sasaran dalam misi OBM.

5.5.1 Syarat kepada para pejuang

Justeru itu, terdapat beberapa peringatan syarat kecil bagi individu atau kumpulan yang terpilih untuk menyetai OBM seperti Islam, berakal, merdeka, berbadan sihat, lelaki dewasa menjadi keutamaan berbanding wanita dewasa, mendapat keizinan dari kedua ibubapa dan mereka yang memberi hutang, pilihan sendiri, akuanji bertulis sebagai rekod rasmi, bukan tentera sukarelawan atau wataniah (*iḥtiyāṭi*) dan situasi darurat. OBM yang telah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan bagi kedua-dua aspek ini, maka ia sememangnya dibenarkan oleh siasah syar'iyyah.

Sekiranya perkara ini tidak sempurna maka OBM terbatal dari sudut pelaksanaan. Selain itu, ia adalah atas budi bicara hak pemerintah. Huraian lanjutnya adalah seperti berikut:

1. Beragama Islam: non muslim tiada kelayakan untuk berjihad kerana bukan ahli ibadat. Sekiranya non muslim melakukan OBM maka itu dikategorikan sebagai bunuh diri (*intihāriyyah*).
2. Baligh: Cukup umur atau dewasa. Kanak-kanak tidak layak menyertainya.
3. Berakal atau siuman tidak gila.
4. Merdeka: Bukan hamba kecuali mendapat keizinan tuannya dan bukan dipaksa melakukan OBM.
5. Orang lelaki dewasa menjadi keutamaan berbanding golongan wanita dewasa. Namun wanita dewasa juga layak untuk menyertai OBM. Bagi yang bersuami perlu mendapatkan keizinan dan memiliki keperluan yang cukup buat keluarga dan sebagainya. Bagi yang bujang perlu kepada keizinan kedua ibubapa atau penjaganya mengikut tahap wali mujbir.
6. Berbadan sihat dan tiada cacat yang teruk. Dengan kata lain kecacatan yang tidak memungkinkannya menyertai OBM. Namun begitu, sekiranya kecacatan itu, tidak menghalangnya melaksanakan tugas penting maka dia boleh dipertimbangkan atas budi cara dan kebijaksanaan pemerintah turus pada masa itu.
7. Mempunyai belanja yang cukup: Bekalan makanan, senjata dan

seumpamanya.

8. Mendapat keizinan daripad kedua orang tuanya.
9. Orang yang mendapat keizinan dari si piutang, bagi orang yang berhutang.
10. Anggota elit atau komando atau gerak khas (samada individu atau kumpulan) yang telah mendapat latihan yang cukup dan terlatih serta terpilih tetapi mempunyai hak untuk menarik diri untuk jihad *khusūṣ li’al-khusūṣ* sahaja tetapi tidak ada hak untuk jihad umum yang melibatkan fardu kifayah mengikut keadaan semasa dan rundingan dengan pemerintah turus tentera.
11. Pilihan sendiri bukan dipaksa melakukannya.
12. Membuat akujanji bertulis dengan pemerintah turus tentera yang mewakili pemerintah negara kerana ia merupakan soal hidup dan mati secara pasti dan rekod rasmi kepada negara.
13. Mengikuti kursus-kursus tertentu bukan tangkap muat (*scape goal*).
14. Bukan tentera wataniah (*ihtiyāṭi*) iaitu dipanggil mengikut keperluan semasa dan bukan tentera sepenuh masa.

15. Darurat yang bererti musuh terus menerus menyerang orang Islam tanpa henti. Keduanya sekiranya mereka tidak melakukan tindakan OBM kemungkinan mereka akan menerima kekalahan teruk dan tewas, sebaliknya dapat memberi ruang dan kebangkitan tentera Islam terhadap kekangan musuh.

5.5.2 Syarat Terhadap Sasaran

Pelaksanaan OBM pada dasarnya adalah memfokuskan ketepatan dan kestrategikan sesuatu kedudukan musuh yang menjadi sasaran. Justeru itu, OBM juga mempunyai komitmen dan keterikatan terhadap beberapa syarat antaranya adalah seperti berikut:

- i. Sewajarnya menepati sasaran strategik dan menggerunkan kekuatan dalam dan luaran musuh.
- ii. Mensasarkan kedudukan dan kekuatan pentadbiran dan logistik ketenteraan pihak musuh. Melalui peroperasian seumpama ini akan dapat memastikan rangkaian strategik dapat dilumpuhkan.
- iii. Memecahkankan dominasi terhadap ekonomi dan kewangan yang menjadi tunggak kekuatan utama musuh dalam melancarkan serangan yang menampilkan persenjataan menggunakan teknologi berat, canggih dan berinovasi tinggi yang dapat menghancurkan umat Islam. Dengan keberanian OBM akan dapat melambatkan kelancaran sistem serangan dan pertahanan dari sudut siapsiagaan

atau kesediaman musuh. Sekaligus melemahkan moral mereka.

iv. OBM hendaklah mensasarkan peratusan kemenangan yang tinggi bagi mengelakkan kerugian sumber tenaga dan nyawa individu atau jemaah Islam, agar setimpal dengan pengorbanan yang dilakukan.

v. OBM juga sewajar dan seboleh-bolehnya menghindari orang awam yang tidak terlibat dengan pertempuran dan seumpamanya menjadi sasaran. Walau bagaimanapun mereka yang terdiri dari golongan awam adalah diharuskan menjadi sasaran OBM sekiranya turut membantu dan terlibat secara pasti dengan pihak musuh atau sukar dipisah atau dibezakan di kalangan mereka. Merujuk kepada fenomena yang sedang berlaku di bumi Palestin, bahawa rakyat Israel adalah tidak terkecuali memandangkan mereka kebanyakannya terlibat secara langsung dan dibekal senjata untuk memusuhi rakyat Palestin. Sebagaimana laporan dan perbahasan mengenainya di dalam bab keempat.

5.6 Asas-Asas Siasah Syar'iyyah Yang Menyokong Pelaksanaannya Dari Segi Syarak

Perkara asas yang akan dibincangkan ini merupakan asas-asas yang menyokong pelaksanaan OBM selaras dengan perundangan siasah syar'iyyah. Asas-asas ini antara lainnya adalah seperti berikut:

5.6.1 Menepati Maṣlaḥah ‘Āmmah

Pelaksanaan OBM merupakan suatu maslahah umum kepada seluruh umat Islam Palestin khususnya dan umat Islam seantero dunia amnya. Dengan kata lain, pelaksanaan OBM adalah menjaga kesucian dan ketinggian agama serta menjaga keselamatan dan mempertahankan Islam secara komprehensif dan kolektif. Ia juga bertujuan menjaga kebaikan keturunan dan keselamatan harta benda.

Justeru itu, pelaksanaan OBM adalah bertujuan menjaga dan mengawal terhadap matlamat syarak yang sekaligus membawa maksud menjaga tuntutan maslahah secara bersepada. Maslahah yang cuba diaplikasikan dalam bentuk OBM adalah seajar dengan perkembangan dunia pada hari ini. Malah, bentuk peperangan dan pertempuran siber (*cyber war*) yang begitu sukar dikesan (*very complicated and sophisticated*) pada hari menuntut pelaksanaannya. Maka pemakaian maslahah dalam OBM ini, diambil kira mengikut tahap sesuatu operasi itu diperlukan untuk dilaksanakan. Bahkan juga hukum pelaksanaannya mungkin menghadapi perubahan dengan berlakunya perubahan situasi dan fakta masa.

Manakala dalam situasi tertentu sebagaimana yang berlaku di Palestin khususnya, tahap maslahah boleh mencapai kepada tahap memelihara keperluan asasi iaitu (*maṣlaḥah dīharīyyah*) dan ini pula adalah bertujuan bukan sekadar memelihara kepentingan peribadi bahkan ianya merupakan kepentingan awam atau orang ramai.

Secara rasional dan ironinya maslahah dalam konteks pelaksanaan OBM

ini, merupakan maslahah yang tidak ditunjukkan oleh syarak sama ada mengiktiraf atau sebaliknya secara terperinci. Namun begitu, sekiranya kita memperhalusi dan mengamati pengertian jihad *fī sabillillāh* di dalam ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith serta sejarah para sahabat, kita dapatkan bahawa konsep pemakaian berdasarkan (*maslahah mursalah*) telah ada bagi merealisasikan pelaksanaan OBM sebagai satu hukum yang diharuskan menurut perspektif siasah syar'iyyah dari segi syarak.

Lebih-lebih lagi pelaksanaan OBM ini akan menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan menimpa secara terus menerus sekiranya tidak dibendung. Ini jelas, segelintir pihak mengatakan OBM akan mengundang penderitaan umat Islam lebih teruk dari apa yang dilakukan. Persoalannya, apa yang telah berlaku khususnya di Palestin, sekiranya mereka mengambil sikap berdiam diri tanpa sebarang reaksi atau tentangan terhadap rejim Zionis (*sahyūniyyah*) Yahudi Israel, adakah ia dapat menjamin mereka tidak dibunuhi dan dizalimi. Bahkan apa yang berlaku mereka terus menerus dizalimi dan dibunuhi beramai-ramai, sekalipun mereka tidak melakukan perkara yang membangkit kemarahan pihak Israel sebagaimana dalam perbincangan bab keempat lalu.

Manakala Palestin pula, bertindak bersendirian tanpa bantuan saudara seagama, sekaligus usaha mempertahankan diri merupakan fardhu ain ke atas rakyat mereka, berdasarkan kekuatan dan teknikal strategik yang ada dan termampu sahaja di kalangan mereka.

Justeru itu, ditegaskan bahawa berdasarkan asas maslahah yang wujud dan

ruang lingkup *maṣlaḥah mursalah* yang diperkatakan di atas, menunjukkan pelaksanaan OBM adalah suatu yang harus dan menepati kaedah maslahah untuk memelihara kebaikan dan menolak keburukan selaras dengan peradaban nilai-nilai siasah syar'iyyah menurut syarak.

Ia juga dilihat dapat membangkitkan seruan ruh jihad yang sekian lama terkubur di kalangan umat Islam. Apakah lagi mutakhir ini, usaha-usaha untuk menyempitkan pengertian jihad kepada pengertian usaha yang gigih terhadap perkara tertentu dan meminggirkan jihad peperangan *fī sabillāh*. Bahkan tidak mustahil pada masa akan usaha pemutihan istilah jihad *fī sabillāh* akan berlaku bukan di kalangan non muslim bahkan oleh generasi Islam itu sendiri akibat penyelewengan ilmu dan kebenaran jihad. Sering berlaku di mana agama Islam itu, terhalang disebabkan oleh orang Islam sendiri yang mempunyai agenda dan kepentingan sendiri.

Justeru itu, pelaksanaan OBM yang berlaku sekurang-kurang dapat menyubur dan membangkitkan kembali wibawa jihad *fī sabillāh* masa kini. Manakala, faktor perubahan masa (تغیر الازمان) boleh mempengaruhi maslahah umum dan ia juga turut mempengaruhi bentuk operasi dan pelaksanaan sesuatu strategi jihad *fī sabillāh*.

5.6.2 Mencapai Efisiensi dan Dinamisme Maqasid Syarak

Manakala asas yang kedua adalah maqasid syarak yang menekankan perkara *daruriyyat al-khams* iaitu merupakan keperluan yang sampai kepada peringkat genting dan mendesak sehingga membahayakan agama, nyawa, harta dan kehormatan.

Bahkan pada pandangan jumhur menjelaskan bahawa dengan melakukan pengorbanan nyawa menerusi (OBM) untuk mempertahankan agama adalah maqasid yang utama. Ini kerana mempertahankan agama lebih penting daripada nyawa. Ditegaskan bahawasa, jika seseorang muslim itu mengaku di hadapan musuh bahawa ia kafir bagi menyelamatkan nyawanya dari dibunuh adalah harus selagi mana hatinya masih tetap beriman.

Namun sekiranya dia mempertahankan keimanan dan keislamannya lalu dibunuh oleh musuh kafir itu, maka itu adalah pengorbanan yang amat besar. Ini bermakna, dia telah menunjukkan keimanan terhadap Allah dan Islam bahwasanya tidak boleh dicabar dengan ugutan bunuh oleh musuh. Maka jelaslah mempertahankan Islam adalah agama yang benar dan Allah adalah tuhan yang Maha Esa, telah membuka mata kepada musuh dan tidak ada kompromi ke arah kebatilan dan kezaliman serta penyekutuan kepada tuhan.

Sebagaimana yang berlaku terhadap kisah beberapa orang sahabat yang diseksa lalu dibunuh kerana enggan mengistiharkan diri murtad semasa seperti ahli keluarga Yaser di Mekah dan kisah seorang bayi yang menyuruh ibunya

masuk ke dalam kawah panas lalu keduanya terbunuh di zaman pemerintahan Firaun di Mesir. Kisah ini sangat masyhur dalam usaha mempertahankan aqidah yang benar.

Justeru itu, pelaksanaan OBM selain mendatangkan kebaikan (جلب المصالح) dan ia juga berupaya menolak kerakusan dan kezaliman serta keburukan. Malah dalam memperkatakan *al-'urf al-ṣālīḥ* secara khusus di Palestin melalui pelaksanaan OBM telah diterima pakai sebagai jalan mempertahankan diri yang terakhir terhadap Zionis Yahudi di Israel.

Bahkan Imam al-Ghazālī dan al-Āmidi³⁸ mendahulukan maslahah daripada nas (تخصيص النص بالصلحة) sekiranya terdapat *darurat* yang lebih besar. Ini bermakna melancarkan serangan sekalipun mengenai sasaran *al-tatarrus* (perisai manusia) tetapi dapat menyelamatkan umat Islam yang lebih ramai dan negara Islam keseluruhannya, maka mengorbankan sejumlah orang Islam dalam kumpulan perisai manusia yang Islam, tanpa menjadikan mereka sasaran adalah diharuskan.

Ini bermakna dalam urusan OBM adalah suatu pilihan terakhir apabila menghadapi darurat dalam usaha menyelamat umat Islam, bahkan memberi ruang kemenangan kepada Islam yang teraniaya. Perkara ini turut dibahas dalam mazhab Mālikī dan Ḥanafī.

³⁸ Dr. Wahbah al-Zuhaylī, (1996), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Beirūt: Dār al-Fikr, j 2, h. 806.

Begitu juga, pensyariatan jihad adalah berdasar kaedah wajib menolak keburukan yang lebih besar apabila dua keburukan bertembung (وجوب دفع أشد ضررين). Iaitu sama ada berjihad atau terpaksa menerima kematian di kalangan pejuang atau menghadapi serangan yang lebih dasyat mengakibatkan jumlah korban dan kemasuhan harta benda atau Islam akan ditewaskan. Justeru itu, jihad menerusi pelaksanaan OBM juga berdasarkan menolak keburukan (درء المفاسد) yang lebih besar demi menyelamatkan keadaan dan maruah serta agama umat Islam.

Sebagai contoh perisai manusia (*al-tatarrus*) merupakan satu pelaksanaan dalam usaha untuk menyelamatkan keadaan yang lebih penting demi keselamatan dan kebangkitan Islam dalam menggagalkan rancangan musuh. Sebaliknya mungkin Islam akan menerima kekalahan dan umat Islam akan menjadi lemah.

5.6.3 Merealisasikan Tuntutan Sad al-Darā'i Menurut Syarak

Manakala asas yang seterusnya pula adalah *sad al-darā'i*. Bahkan Ibn Qayyim³⁹ menyatakan beramal dengan *sad al-darā'i* adalah seumpama satu perempat daripada bahagian agama. Ini bermakna dengan melancarkan OBM seolah ianya akan menyekat perbuatan atau tindakan pihak musuh yang mempunyai agenda jahat dan unsur kezaliman yang boleh membunuh masyarakat seterusnya mengganggu-gugat kesejahteraan dan kestabilan tanahair. Ini telah terbukti dengan melancarkan beberapa tindakan nekad OBM di Palestin ke atas beberapa

³⁹ Ibn Qayyim al-Jawzi (1997), *'ilām al-Mūqi 'in 'an Rab al-'Ālamīn*, Beyrūt: Dār al-Fikr, c 2, j 3. h 171.

kedudukan strategik Israel telah menyebabkan pihak Zionis Yahudi Israel lebih berhati-hati dalam tindak tanduknya terhadap kependudukan dan pencerobohan ke atas rakyat Islam Palestin.

Peristiwa ini juga telah memaksa penghijrahan besar-besaran orang Yahudi ke negara Eropah menyelamatkan diri. Meskipun terdapat tindakan Zionis Yahudi melancarkan tindak balas namun ianya masih terkawal bahkan pelaksanaan OBM itu, tidak dinafikan telah melambatkan proses penempatan oleh penduduk Yahudi yang merampas kampung halaman mereka secara haram membantutkan beberapa perancangan strategik pihak Israel dalam usaha menghalau dan menghapuskan kependudukan rakyat Palestin dan dibawa golongan Yahudi dari Amerika, Rusia dan Eropah.

Inilah adalah asas-asas sampingan yang menyokong pelaksanaan OBM dilancarkan dan ia dilihat terdapat kesinambungan dengan jihad *fī sabīlillāh*. Ia juga selaras dengan matlamat siasah syar'iyyah yang memelihara setiap ruang kemaslahatan dan menjauhkan sejauh mungkin keburukan dan kebinasan.

Justeru itu, analisis ini menjelaskan bahawa kewujudan pelaksanaan OBM adalah suatu perkara yang sah dari perpektif siasah syar'iyyah dalam menangani isu-isu jihad semasa. Meskipun begitu, keharusan pelaksanaan OBM adalah bersyarat dan perlu dikaji dari masa ke semasa kerana ia boleh jadi dalam bentuk kontemporari dengan erti kata khusus di sesetengah tempat sahaja.

Dengan penjelasan analisis ini, ia sekaligus menolak mana-mana pendapat dan keceluaran yang timbul berhubung dengan tindakan nekad OBM diterjemahkan sebagai perbuatan bunuh diri, pengganas atau pelampau agama, militan, ekstrimis dan sebagainya. Bahkan tindakan nekad OBM adalah suatu tindakan yang mulia dan kematian mereka adalah mati syahid. Justeru itu, sekiranya jihad *fī sabillillāh* mengambil hukum syahid maka OBM adalah lebih tinggi dari jihad *fī sabillillāh* yang biasa kerana ia adalah suatu jihad yang tiada tolok bandingannya. Bahkan ditegaskan sekali lagi bahawa, OBM adalah relevan dan sentiasa hidup sehingga berakhirnya dunia yang kita diamini ini kerana ia sejajar dengan jihad *fī sabillillāh*.

BAB KEENAM

IMPLIKASI PELAKSANAAN OBM TERHADAP UMAT ISLAM DAN SARANAN KEPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU

6.1 Implikasi serangan dan saranan kepada pihak-pihak tertentu

Implikasi terhadap pelaksanaan OBM atau OSPBM tidak dinafikan sudah tentu akan melibatkan kematian bahkan kematian tersebut adalah syahid merujuk kepada instrumen fatwa para sarjana Islam yang diakui kesahihannya menerusi pentarjihan yang dianalisis menurut siasah syar'iyyah.

6.1.1 Implikasi Terhadap Negara Palestin

Malah pelaksanaannya sebagai contoh di bumi Palestin sebagaimana dibincangkan pada masa lalu merupakan suatu keharusan. Sekalipun terpaksa berhadapan dengan rejim Zionis Yahudi dengan segala bentuk kelemahan dan kekurangan serta kekuatan dari sudut lojistik dan persenjataan namun itu adalah suatu serangan yang tidak dapat dielakkan. Ini kerana mereka berhadapan secara langsung dan kaedah ini merupakan suatu yang cukup efisien dan efektif serta menggerunkan musuh yang melakukan kezaliman sesuka hati. Bahkan sekiranya mereka berpeluk tubuh tanpa sebarang penentangan sekalipun, mereka akan tetap ditindas dan dibunuhan dengan sewenang-wenangnya. Rakyat Islam Palestin akan terus diburu dan dibunuhan serta dihalau demi mencapai cita-cita mereka untuk menduduki seluruh wilayah Palestin.

Malah dengan melancarkan serangan OBM atau OSPBM samada secara persendirian atau berkumpulan telah membuktikan keadaan gerun dan takut sehingga membawa kepada penghijrahan pihak Yahudi Israel meninggalkan bumi Palestin. Malah ia turut melengahkan pencabulan rejim tersebut ke atas mereka.

6.1.2 Implikasi Terhadap Negara Malaysia Sebuah Negara Islam¹

Bagi yang mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam, medan jihadnya akan lebih luas dan berbeza dengan orang yang enggan mengiktiraf. Justeru, jihad lebih tertumpu kepada jihad dengan harta benda (*al-amwāl*).² Maknanya, jihad itu dilakukan berdasarkan kepada kepakaran dan profesyen masing-masing dalam menjalankan tugas sehari-hari. Rakyatnya yang hidup aman damai dan mengamalkan sistem demokrasi serta raja berparlimen, di samping masyarakat majmuknya tidak perlu kepada serangan seumpama ini. Ia disebabkan keadaan negara Malaysia dan suasana rakyatnya, tidak sama dengan apa yang dihadapi umpamanya oleh rakyat Islam di negara Palestin. Setiap hari mereka diancam oleh rejim Zionis Yahudi, bahkan sering dibunuh tanpa sebarang alasan.

Bagi mereka yang keberatan dan tidak dapat menerima hakikat Malaysia adalah sebuah Negara Islam, jihad yang paling utama ialah mencari dan menyusun agenda bagaimana menuju ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara Islam. Sebarang dasar, amalan dan fenomena yang dianggap tidak islamik

¹Lihat perbahasan lanjut oleh Wan Zahidi Wan Teh, Dato' (2001), *Malaysia Sebuah Negara Islam*, Kuala Lumpur: MUTUCETAK SDN. BHD.

² Wan Mohamad bin Abdul Aziz (1986), *Konsep Jihad Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: JAKIM., h. 12.

akan dibantah, ditentang dan dibangkang. Jika ada pihak lain yang memberi reaksi balas, kumpulan ini terdedah kepada anggapan mereka cuba menyekat cita-cita menegakkan negara Islam yang diimpikan. Pertembungan seumpama ini memupuk kecenderongan untuk berjihad dengan mempertaruhkan nyawa (*al-anfus*).³

Justeru itu, amalan jihad di Malaysia perlu tertumpu kepada usaha dan agenda mempelbagaikan kekuatan umat Islam. Kekuatan ilmu, teknologi dan kemahiran melalui jihad di bidang pendidikan serta latihan. Kekuatan ekonomi, melalui jihad industri dan perdagangan. Kekuatan politik, melalui amalan demokrasi yang sihat lagi telus. Tidak ketinggalan, kekuatan ketetaraan supaya Malaysia mampu mempertahankan diri dari ancaman penceroboh yang dengki atau untuk menjamin keamanan. Segala jenis kekuatan tidak bermakna, jika kita tidak mulakan dengan kekuatan iman dalam diri sendiri serta memperkuatkan institusi keluarga dan sosial kerana kecemerlangan bermula dari diri sendiri.⁴

Ini adalah bertepatan dengan hasrat dan kenyataan umum barisan pemerintah negara Malaysia seperti yang diperkatakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bahawa rakyat Malaysia perlu memajukan diri dalam semua bidang agar tidak ketinggalan dalam arus globalisasi yang pesat pada hari ini dan jauhilah dari unsur-unsur kefahaman Islam yang jumud dan jihad yang sempit agar kita dapat berdaya saing serta maju. Malaysia kini telah dihormati dan merupakan negara

³ Wan Mohamad bin Abdul Aziz (1986), *Konsep Jihad Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: JAKIM., h. 12.

⁴ Wan Mohamad bin Abdul Aziz (1986), *Konsep Jihad Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: JAKIM., h. 12.

Islam yang terbaik berbanding dengan negara Islam yang lain dalam pelbagai aspek sama ada sistem pendidikan, ekonomi, sains dan teknologi dan sebagainya.

Justeru itu, ditegaskan bahawa unsur-unsur atau percubaan dan perancangan untuk melancarkan serangan OBM terhadap mana-mana pihak di negara Malaysia adalah suatu yang haram dan terkeluar dari definisi jihad dan dianggap perbuatan membunuh diri. Suasana dan politik di Malaysia tidak sama seperti di sesetengah negara Islam yang lain umpamanya di Palestin dan Bosnia Hazergovina serta Chechnya.

6.1.3 Implikasi Terhadap Majoriti Penduduk Beragama Islam di Negara Islam Lain

Malah negara-negara Islam yang majoriti penduduknya beragama Islam, sama sahaja dengan keadaan dan tuntutan jihad seperti di Malaysia. Bahkan Malaysia adalah contoh yang terbaik di kalangan negara Islam yang lain dari pelbagai aspek Justeru, seharusnya seseorang pemimpin itu, bijak meletakkan garis panduan dan halatju siasah keutamaan (*siasah awlawiyyāt*) samada memilih jihad memperlengkap dan memajukan diri dengan segala kekuatan mengikut tahap-tahap kemaslahatan dan syarak. Islam asalnya adalah agama perdamaian.

6.1.4 Implikasi Terhadap Minoriti Penduduk Beragama Islam di Negara Non Islam

Negara-negara non Islam yang minoriti penduduknya adalah beragama Islam, sewajibnya mengambil langkah jihad dalam aspek dakwah secara beperingkat-peringkat. Ini bermakna seruan ke arah perpaduan dan kebaikan untuk merapatkan lagi hubungan sesama umat adalah lebih utama dalam keadaan aman dan harmoni. Di samping mengukuhkan ekonomi dan mempertingkatkan pencapaian ilmu.

Justeru itu, sebarang usaha untuk melaksanakan OBM secara melulu tanpa alasan yang hak adalah dilarang sama sekali dan boleh mengakibatkan perbuatan tersebut menjadi haram dan berdosa. Malah ia amat merugikan umat Islam tersebut secara keseluruhan dan bagi jangka masa yang panjang.

6.1.5 Saranan Kepada Masyarakat Islam Malaysia

Disarankan kepada masyarakat Islam Malaysia berhubung dengan OBM merupakan suatu kajian ilmiah yang telah ditulis bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan pengiktirafan ijazah sarjana syariah dalam bidang siasah syar'iyyah. Namun begitu, huraiyan maklumat berhubung serangan OBM perlu diingatkan bahawa kajian ini hanyalah satu analisis yang ada kaitan rapat berdasarkan analisis-analisis (artikel-artikel umum) berhubung dengan serangan berani mati yang sering diperkatakan oleh orang Islam umpamanya rakyat Islam Palestin ke atas rejim Zionis Yahudi terhadap penentangan pencerobohan, pecabulan, keganasan, kerakusan, dan kebinatangan tanpa peri kemanusiaan serta

pembunuhan yang dilakukan oleh rejim tersebut bagi menghalau keluar penduduk Islam Palestin dari negara mereka.

Justeru itu, senario ini merupakan usaha terakhir rakyat Islam dalam suasana yang mereka hadapi akibat ancaman dan tekanan pihak berkuasa Israel. Seperkara yang harus diingatkan bahawa pelaksanaan serangan seumpama ini, tidak relevan jika dikaitkan dengan senario dan iklim di negara Malaysia. Oleh itu, segala perancangan yang melibatkan serangan seumpama ini dalam usaha meruntuh dan membinaaskan pemerintahan yang sedia ada sehingga sanggup mengorbankan nyawa tanpa alasan yang hak adalah terkeluar dari segi tuntutan syarak tanpa alasan yang hak. Sama ada dalam bentuk kepartian, kumpulan mahupun persendirian.

6.1.6 Saranan Kepada Kerajaan Malaysia Termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Parti Politik Dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Kesempatan dalam penulisan ini, dicadangkan kepada kerajaan yang diwakili Angkatan Tentera Malaysia (ATM), supaya mengkaji dan meneliti sebaik mungkin definisi jihad yang sebenar tanpa bias dan prejedis terhadap pihak-pihak tertentu yang ada kepentingan dalam usaha menjaga imej, kredibiliti dan abiliti kepimpinan agar makna dan maksud dapat diterima dari sudut ilmiah dan akademik oleh semua lapisan masyarakat tanpa dipertikaikan lagi sumber rujukannya.

YAB Perdana Menteri Malaysia merangkap Presiden Umno iaitu YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam syarahan Perdananya bersama YB Dato' Fadhil bin Mohd Noor merangkap Presiden PAS dan juga Ketua Pembangkang di Malaysia di mana semasa beliau berucap sempena Syarahan Perdana di bawah tajuk "*Palestin dan Kemanusiaan*" yang bertarikh 8hb. Mei 2002, menjelaskan bahawa Operasi Berani Mati atau Serangan Pengebom Berani Mati Syahid itu pada dasarnya, ia memperlihatkan pengorbanan mereka yang amat tinggi darjatnya. Namun begitu, matlamat tidak sampai untuk kemenangan secara global. Justeru, kita seharusnya bersabar dan merancang perancangan yang strategik untuk menang sekali pun memakan masa lima puluh tahun lagi.

Kenyataan di atas sangat penting dan merupakan pendapat peribadinya sebagai ketua kerajaan Malaysia, di mana pengorbanan tersebut tidak menjanjikan apa-apa kemenangan kerana Palestin lemah dan ini diakui oleh Yaser Arafat, Presiden Palestin merangkap ketua Palestine Liberation Organization (PLO). Sekali pun tindakan diambil dengan melakukan serangan berani mati itu ke atas Yahudi, namun mereka akan membalaunya dengan membunuh lebih ramai lagi orang Palestin dari semasa ke semasa tanpa kesudahan. Namun begitu, sebagaimana dinyatakan dalam perbincangan lalu, itulah pengorbanan terakhir dan termampu dilakukan oleh mereka masyarakat Islam terhadap kezaliman dan pembunuhan.

Apa yang telah berlaku pada 11 September 2001 di mana World Trade Center di Amerika Syarikat telah binasa setelah dirempuh oleh pesawat komersil; dan impaknya adalah keadaan umat Islam semakin dasyat dari segi tekanan yang

diterima berbanding sebelumnya. Mangsa globalisasinya adalah Afghanistan dan Iraq serta seluruh umat Islam yang lain.

Tidak dinafikan umpamanya masyarakat Islam Palestin lemah dan tidak mampu untuk menewaskan rejim Israel bersendirian dan perbuatan serangan berani mati atau pengebom berani mati syahid boleh dielakkan lagi. Sekiranya orang Islam di Palestin dan di seluruh dunia berada di bawah pemerintahan Khalifah Islam atau negara Islam itu mampu dan kuat untuk berhadapan dengan musuh, maka tindakan seumpama ini tidak sah dan perlu dihentikan serta-merta. Sebagaimana dinyatakan syarak tidak memberi ruang langsung mengorbankan jiwa dan raga umatnya tanpa alasan yang hak atau darurat.

Namun apa yang berlaku umpamanya di Palestin adalah penilaian mereka bahawa tiada pilihan lain selain dari mempertahankan diri, kerana itu adalah alternatif terakhir yang mereka miliki⁵ serta lebih baik daripada menunggu di rumah atau di jalanan untuk dibunu dengan sewenang-wenangnya oleh rejim Yahudi Zionis.⁶

Ada kebenaran pandangan mereka iaitu perbuatan tersebut tidak mencapai matlamat iaitu kemenangan secara terancang dan tersusun tetapi pada hakikatnya mereka telah berjaya menempa syahid di dunia dan akhirat. Pandangan mereka itu lebih sesuai sekiranya sesebuah negara Islam itu mempunyai kekuatan yang

⁵ Kenyataan oleh YB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, semasa menjawab soalan dari pihak "Press Conference" di Dewan Bahasa Dan Pustaka sempena Syarahan Perdana di bawah tajuk "Palestine and Humanity" pada tarikh 8-5-2002.

⁶ Wawancara Penulis bersama Penasihat Kementerian Luar dan Antarabangsa, Iran, Muhammad Sa'id Nu'mani, wakil Menteri Waqaf Iran, semasa Persidangan *Organization of Islamic Conference* di Ibukota Kuala Lumpur bertarikh 6 hingga 8hb. 2002.

sempurna untuk melakukan sebarang kemungkinan atau seumpamanya. Namun sekiranya perjuangan itu berlandaskan perasaan geram dan marah terhadap Yahudi maka pengorbanan mereka selama ini adalah sia-sia kerana niat bukan kerana Allah dan menyeleweng dari ertikata perjuangan syahid yang sebenarnya.

Selain itu juga, kerajaan yang sedia ada dan akan datang perlu mengambil tindakan yang efektif dan efisyen bagi menangani segera segala bentuk pergerakan dan organisasi yang mempunyai minat untuk mengganggu gugat kestabilan negara dan ketenteraman rakyat seluruhnya dengan mengkaji dan menganalisa kembali penguatkuasaan Internal Security Act (ISA) iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri agar lebih telus dan tidak dipertikaikan lagi dengan mendatang beberapa amalan Rasulullah s.a.w dan para khalifah yang empat dan *tabi'in* agar ianya menjadi bukti dan hujah yang kuat bagi menangkis tohmahan dan pandangan yang negatif dan pemikiran yang celaru terhadap wibawa dan dinamisme siasah syar'iyyah pada kaca mata masyarakat dan ilmuan. Sekaligus, ia akan memperkasakan lagi dakwaan Kerajaan Malaysia adalah sebuah Negara Islam yang disegani kawan dan lawan.

Justeru itu juga, disarankan kepada parti politik dan politikus yang menerajui sesebuah organisasi atau badan politik seperti UMNO, PAS, KeAdilaN, *Non Government Organization* (Badan Bukan Kerajaan) serta lain-lain perlu bijaksana dan waspada bagaimana untuk menterjemah makna dan definisi jihad dari segi bahasa dan istilah agar maksud sebenarnya terpelihara.

Manakala praktikalitinya pula, seharusnya menjuruskan kepada ketemadunan umat dan bukan tindakan yang melulu sesama sendiri sehingga akan bangsa, agama, budaya dan adat resam serta bahasa pincang akibat keterlanjuran dan keceluparan bicara tanpa ilmu yang sewajarnya. Lebih lagi dalam menterjemahkan jihad dalam kerangka kenegaraan seharusnya bijak dan telus agar tidak menimbulkan fitnah, malah mendapat kerahmatan dari Allah Ta'ala.

6.1.7 Saranan Kepada Organization Of Islamic Conference (OIC)

Disarankan kepada Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) agar membincangkan isu ini sebagai agenda utama dalam perbincangan mereka agar dapat menyelamatkan saudara-mara sesama Islam umpamanya di bumi Palestin yang sering dibunuh dengan kejam. Mereka seharusnya mengambil tindakan dengan mengadakan sekatan ekonomi dan seumpamanya. Sekiranya tindakan yang diambil tidak memberi apa-apa kesan, pihak OIC seharusnya menubuahkan Perikatan Tentera Islam Bersekutu bagi menangani krisis ini dengan lebih berkesan sebagai satu amaran dan tekanan kepada Israel khususnya dan dunia lain amnya.

Persidangan Negara-negara Islam juga perlu mewujudkan suatu gagasan untuk malahirkan kuasa veto⁷ di kalangan negara Islam sendiri agar setanding dengan kuasa besar atau Ahli Tetap Majlis PBB seperti Amerika, China, Rusia, Britain dan Perancis. Dengan ini, suara mereka setanding dan boleh membuat keputusan sekiranya didapati suatu permasalahan itu perlu ditangani secara adil

⁷ Veto adalah kuasa membatal yang dimiliki oleh Anggota Majlis Tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Amerika Syarikat, China, Great Britain, Perancis, dan Russia.

dan saksama. Ini kerana wujud ketidakadilan dan ketidakseimbangan antara kuasa-kuasa besar seperti Amerika secara jelas menyokong tindakan Israel dan menjauhkan diri dari menangani krisis masyarakat Islam dunia. Ini jelas apabila George Welter Helbert Bush iaitu Presiden Amerika Syarikat sanggup menyokong tindakan Aeriel Sharon iaitu Presiden Israel atas alasan mempertahankan diri maka serangan boleh dilancarkan ke atas masyarakat Islam di seluruh dunia.

Negara-negara seperti Iraq, Iran, Pakistan, Libya dan lain-lain sudah pun mempunyai kuasa nuklear perlu dipertimbangkan untuk melayakkan di kalangan mereka sebagai kuasa besar Islam dan Ahli Tetap Majlis PBB. Justeru dengan penwujudan seumpama ini, segala permasalahan masyarakat Islam seantero dunia tidak akan dimomokkan lagi oleh kuasa Barat semata-mata yang lebih menjuruskan kepada kepentingan peribadi dan dasar politik luar mereka sahaja.

Sekiranya ini tidak menjadi kenyataan pada masa akan datang maka benarlah kata segelintir pemimpin YAB Perdana Menteri dengan katanya: “*Ooo... I see, I tengok you, you pula tengok I, satu apa pun tidak menjadi*”.⁸ Mengulas kata-kata sinis ini, ianya cukup mendalam pengertian yang tersurat dan tersirat serta cukup bermakna untuk pengajaran dan pengiktibaran.

* YAB Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia semasa merasmikan persidangan *Organization of Islamic Conference* yang ke-7 pada tarikh 6 hingga 8hb. 2002 di Hotel Istana.

6.1.8 Saranan Kepada United Nations (UN)

Disarankan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) agar lebih telus menangani dan menyelesaikan isu Palestin yang sudah hampir 57 tahun berlalu dan telah mengorbankan beribu-ribu nyawa yang tidak berdosa. Perkara ini berlaku sudah tentu ada punca yang menyebabkan beberapa siri pengeboman dan serangan berani mati berlaku oleh masyarakat Islam Palestin.

Justeru itu, PBB seharusnya lebih bertanggungjawab dan tidak tunduk kepada tekanan sesiapa pun sama ada Amerika Syarikat, Great Britain, Rusia, China dan Perancis. Bahkan Amerika Syarikat secara lantang dan jelas menyokong pendirian Israel dan kuasa serta pengaruh Zionis Yahudi. Ini terbukti apabila Amerika sebagai sebuah kuasa besar telah menggunakan kuasa vetonya membatalkan misi Pasukan Keselamatan PBB terhadap badan dunia tersebut yang hendak dihantar ke Israel pada tahun antara 2001 dan 2002. Bahkan Amerika dan Britain secara terang-terangan membelakangi PBB dengan menyerang Iraq pada 20 Mac 2003 yang lalu.

Seharusnya badan dunia tersebut lebih tegas dan tidak sekali-kali tunduk terhadap tekanan mana-mana pihak. Ini bertujuan untuk membuktikan badan dunia itu bebas dari segala anasir yang menyeleweng dan sewajarnya bersikap rasional dan telus dalam menangani isu yang membabit isu negara-negara Islam yang lain.

6.2 Kesimpulan

Sehubungan dengan itu, pembahagian kajian ini kepada enam bab adalah bagi menjelaskan dan menyusun kajian dengan lebih menarik dan teratur. Bab pertama adalah mengenai prosedur kajian ini dilaksanakan. Ini termasuk metodologi penulisan dan kajian ini diimplementasikan sebagai satu landasan permulaan kajian agar ianya mencapai tahap kualiti yang sebenarnya.

Manakala di dalam bab kedua, penulis telah memperluaskan definisi siasah dan politik, siasah syar'iyyah hubungan dan perbezaan dengan politik Barat dari sudut bahasa dan syarak. Ini amat penting bagi menjelaskan autoriti dan kredibiliti siasah syar'iyyah sebagai satu mekanisme yang menjana keharusan sesuatu pelaksanaan yang disandarkan kepada dinamisme hukum syarak. Di samping keterikatannya dengan maslahah berdasarkan kaedah *fiqhiyyah*.

Bahkan, ia juga merupakan penandaaranan (*bench marking*) untuk menjelaskan konsep dan teori definisi siasah syar'iyyah yang menjadi tungggak jayagalnya sesebuah pemerintahan negara Islam. Justeru itu, sekiranya diperhatikan kesimpulan terhadap pendefinisan di kalangan sarjana Islam, maka didapati bahawa siasah syar'iyyah sebagai satu pemakaian sistem metodologi hukum terhadap pelaksanaan OBM adalah suatu yang relevan. Malah bab kedua merupakan titik tolak kepada bab-bab yang seterusnya terutama bab ketiga yang membongkar hubungan jihad dengan OBM bersandarkan kepada sistem metodologi hukum siasah syar'iyyah dan hak ijтиhad pemerintah.

Seterusnya perbincangan bab ketiga telah dimuatkan berkenaan jihad dan hubungannya dengan OBM. Ia juga turut membentangkan beberapa dalil al-Quran terhadap pensyariatan jihad, hujah-hujah oleh para sarjana dalam dan luar negara serta Orientalis Barat yang mengharuskan amalan OBM di kalangan tentera di medan peperangan dan awam (مجند) atau (مجند) (yang mendapat latihan ketenteraan seperti askar wataniah). Beberapa metod perlaksanaan OBM turut dijelaskan bagi menunjukkan hubungan antara jihad yang dikategorikan jihad umum dan OBM sebagai jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ*.

Seterusnya, dalam bab keempat terdapat perbincangan perselisihan pendapat berhubung dengan amalan OBM di antara dua pihak. Ada yang mengatakan harus dan satu golongan yang lain menolak. Justeru itu, hasil kajian dan perbincangan yang telah dilakukan berdasarkan kekuatan dalil dan hujah, maka pandangan mereka yang mengharuskan amalan OBM termasuk orang awam umpamanya orang awam Yahudi di Palestin adalah pendapat yang terpilih.

Ia mengambil kira atas alasan dan sebab-sebab tertentu seperti awam yang bersenjata dan menerima latihan rasmi mahupun sebaliknya. Ia adalah selaras dengan maqasid dan ruh siasah syar'iyyah sebagai neraca utama terhadap pelaksanaannya.

Perbahasan dalam bab ini, adalah lanjutan dari bab ketiga untuk membongkar persamaan dan persempadanan terhadap tuntutan jihad dan OBM. Sehubungan dengan itu, pembentangan beberapa definisi seperti jihad umum, jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ*, *al-tatarrus* dan tahap-tahap darurat dari segi autoriti

syarak dalam bab ketiga adalah bagi menjelaskan lagi, betapa rapatnya hubungan antara keduanya. Cuma jihad itu pada dasarnya dikategorikan sebagai jihad umum manakala OBM itu adalah lebih kepada jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* dari sudut pelaksanaannya.

Justeru itu, “*Semua pelaksanaan jihad khuṣūṣ li al-khuṣūṣ adalah OBM dan bukan semua jihad umum itu OBM*”. Malah, OBM merupakan salah satu bentuk jihad yang khusus bergantung kepada situasi darurat, kemaslahatan, syarat dan keizinan pemerintah turus tentera ketika itu.

Perbincangan di dalam bab keempat juga merupakan perbahasaan lanjutan oleh mereka yang menolak terhadap pelaksanaan OBM bersandarkan hujah-hujah dan dalil-dalil syarak. Seterusnya perbincangan terhadap hujah kedua golongan bagi mentarjihkan pandangan yang terpilih dalam menentukan hukum pelaksanaan OBM atau OSPBM di samping hujah tambahan dalam bab keempat iaitu penindasan dan kezaliman umpamanya oleh orang awam Yahudi oleh mereka yang mengharuskan amalan tersebut terhadap mereka yang menolaknya. Justeru, hujah-hujah dan dalil-dalil serta instrumen fatwa mereka yang menyokong adalah lebih rajih dan kuat sekaligus menerima amalan OBM sebagai mati syahid.

Di samping itu, turut ditegaskan bahawasanya beberapa bentuk perbezaan ketara di antara OBM dan pelaksanaan *kamikaze* oleh tentera udara Jepun dan Operasi Berani Mati *Gerila Harimau Tamil Aelam* di Sri Langka.

Bab kelima seterusnya, merupakan analisis yang menyeluruh kepada tajuk disertasi hasil perbahasan terperinci dan ia mengaitkan pelaksanaan OBM menurut pendekatan siasah syar'iyah sebagai satu sistem metodologi hukum dan hak ijтиhad pemerintah dalam konteks jihad *fī sabīlillāh* yang bahawa pelakunya adalah tergolong dalam golongan mereka yang mati syahid dunia dan akhirat.

Seterusnya bab yang terakhir iaitu bab keenam merupakan kesimpulan kepada seluruh bab yang telah menjadi intipati perbahasan dan kandungan kajian bagi melengkapkan sebuah disertasi yang bertajuk "*Operasi Berani Mati Syahid Menurut al-Siasah al-Syar'iyyah*".

6.3 Penutup

Penulisan OBM menurut siasah syar'iyyah ini, merupakan kajian ilmiah yang agak sukar kerana ia merupakan suatu perkara yang baru di persada ilmu siasah syar'iyyah khususnya di Malaysia dan di dunia Islam yang lain amnya. Justeru itu, tidak keterlaluan dikatakan bahawa ianya merupakan kajian yang pertama ditulis di Malaysia. Dengan adanya penulisan sebegini dalam bahasa Malaysia sudah tentu ianya dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada pencinta ilmu pengetahuan jihad dan hubungannya dengan OBM.

Namun begitu, kajian ilmiah ini sudah pasti terdapat kelemahan dan kekurangannya. Malahan kritikan-kritikan yang bakal diterima disambut dengan baik. Penulisan ini, mengfokuskan keharusan siasah syar'iyyah dalam pelaksanaan OBM berdasarkan analisis-analisis serangan berani mati oleh orang

Islam ke atas musuh mereka umpamanya rejim Zionis Yahudi terhadap ancaman, kezaliman, penindasan, penganiayaan dan pembunuhan yang mereka lakukan.

Justeru penulisan ini, dijangkakan dapat melahirkan idea-idea dalam bentuk kajian yang lebih bermutu pada masa hadapan dalam mewujudkan disiplin ilmu yang seimbang dalam kajian akademik di kalangan intelektual dan pencinta ilmu siasah syar'iyyah umumnya dan dalam bidang jihad *fi sabīlillāh* khususnya.